

NO. SOALAN : 54

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH [KUBANG KERIAN]

TARIKH JAWAPAN : 18 JUN 2014 (RABU)
DI DEWAN RAKYAT

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah mencapai keuntungan lebih daripada RM4 bilion pada tahun 2013. Sudah tentu TNB dapat menyediakan kemudahan bekalan elektrik yang lebih baik kepada masyarakat. Kenapa masih lagi terdapat masalah terputus bekalan elektrik yang sangat kerap di negara ini khususnya dalam Parlimen Kubang Kerian.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Indeks prestasi tempoh gangguan bekalan elektrik atau *System Average Interruption Duration Index (SAIDI)*, dengan izin, di Kawasan Kota Bharu yang meliputi Parlimen Kubang Kerian pada tahun 2013 ialah 65.69 minit/pengguna setahun, di mana ia agak sedikit tinggi berbanding prestasi SAIDI keseluruhan di Semenanjung Malaysia pada tahun 2013 iaitu 60.35 minit/pengguna setahun. Walau bagaimanapun, ia tidak jauh berbeza jika dibandingkan dengan prestasi SAIDI di beberapa negara maju lain seperti Australia (62.7 minit/pengguna/tahun) dan New Zealand (62 minit/pengguna/tahun).

2. Berdasarkan semakan Kementerian terhadap kejadian gangguan bekalan elektrik di kawasan Parlimen Kubang Kerian bagi tempoh September 2013 hingga Mei 2014, didapati bahawa terdapat 10 kes melibatkan kerosakan sistem voltan 11kV dan 325 kes kerosakan voltan rendah yang hanya melibatkan sebilangan kecil pengguna. Kejadian kerosakan tersebut disebabkan oleh peningkatan penggunaan tenaga

elektrik dengan adanya Pembangunan Bandar Baru Satelit Islam Pasir Tumboh dan juga berpunca daripada kerja-kerja pengorekan tanah oleh pemaju di kawasan tersebut yang menyebabkan kerosakan kepada kabel bawah tanah TNB.

3. Bagi memperkuatkan sistem bekalan elektrik di kawasan Parlimen Kubang Kerian, sebuah Pencawang Pembahagian Utama (PPU), iaitu PPU Tunjung dengan kos sebanyak RM 16.9 juta telah dimulatugas pada 18 April 2014. Sebagai kesinambungannya, 6 buah projek lagi untuk memperkuatkan sistem bekalan elektrik yang bernilai RM2.8 juta sedang dalam pelaksanaan dan dijangka siap sepenuhnya pada Disember 2014.

4. Di samping itu, bagi memastikan keutuhan pepasangan dan sistem bekalan elektrik di kawasan tersebut, senggaraan *Condition Based Monitoring* (CBM), dengan izin, terhadap kabel serta pepasangan alatsuis sentiasa dilaksanakan secara berkala bagi memastikan ianya dalam keadaan yang baik. Melalui perancangan dan pelaksanaan projek-projek ini, sistem pembekalan elektrik di Kawasan Kota Bharu, khususnya kawasan Parlimen Kubang Kerian akan lebih kukuh, berdaya harap dan seterusnya meningkatkan tahap kepuasan pengguna.
